



**FACTORS OF THE READINESS OF SCHOOL TEACHERS TO PAY  
ZAKAT THROUGH SALARY DEDUCTION TO THE FEDERAL  
TERRITORY ISLAMIC ZAKAT COLLECTION CENTERS**

**FAKTOR-FAKTOR KESEDIAAN GURU SEKOLAH TERHADAP  
PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI KE PUSAT  
PUNGUTAN ZAKAT-MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

SITI SYARWANI BINTI GHAZALI

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Email: [sitisyarwani@kpbkl.edu.my](mailto:sitisyarwani@kpbkl.edu.my)

FARAH WAHIDA BINTI ABD RAHMAN

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Email: [wahida@kpbkl.edu.my](mailto:wahida@kpbkl.edu.my)

SITI NUR AZZYATI BINTI SAHARUDDIN

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Email: [azzyati@kpbkl.edu.my](mailto:azzyati@kpbkl.edu.my)

AMIRA HAKIMAH BINTI HALIMI

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Email: [amirahakimah@kpbkl.edu.my](mailto:amirahakimah@kpbkl.edu.my)

NAZHATUL AIN BINTI HISAMUDIN

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Email: [nazhatulain@kpbkl.edu.my](mailto:nazhatulain@kpbkl.edu.my)

MOHAMAD FITRI BIN MOHAMAD YUSOFF

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Email: [fitri@kpbkl.edu.my](mailto:fitri@kpbkl.edu.my)

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

**(RECEIVED – 26<sup>TH</sup> SEPT. 2023; REVISED – 27<sup>TH</sup> SEPT. 2023; ACCEPTED – 29<sup>TH</sup> SEPT. 2023)**

## ABSTRACT

The method of paying zakat through salary deduction is seen to help payers who are eligible to pay zakat from forgetting to pay zakat all at once, reducing the burden of paying a large amount at the end of the year. However, the PPZ-MAIWP zakat report found that the involvement of school teachers in making monthly salary deductions was at a rate of 40 percent. Accordingly, this study aims to identify the willingness of school teachers around the Federal Territory to pay zakat through salary deductions. This study has three main objectives first; identify the involvement of school teachers in the Federal Territory in paying zakat income to PPZ-MAIWP, second; identify income zakat payment methods among school teachers in the Federal Territory and third; analyze the readiness factors and barriers to income zakat payment through salary deductions among school teachers in the Federal Territories. This study uses a mixed method approach using a convergent design. A total of 377 respondents among school teachers were involved to answer the questionnaire while a total of 12 informants consisting of Headmasters, School Principals and PPD Officers in the Federal Territory were interviewed in a semi-structured manner. Based on the findings of a quantitative study, the willingness of teachers to pay zakat through salary deduction shows a high level. The results of the study found that motivational factors, attitudes and beliefs encourage the willingness of school teachers in the Federal Territory to pay zakat income through salary deductions. Next, the results of the qualitative findings show that most school management are ready to manage and give encouragement to school teachers in paying zakat through salary deductions.

**Keywords:** zakat on income, salary deduction, teachers, readiness, obstacles, Federal Territory.

## ABSTRAK

Kaedah pembayaran zakat melalui potongan gaji dilihat dapat membantu pembayar yang layak membayar zakat daripada terlupa membuat bayaran zakat sekali gus, mengurangkan beban pembayaran dalam jumlah yang besar pada akhir tahun. Walau bagaimanapun, laporan zakat PPZ-MAIWP mendapati penglibatan guru-guru sekolah membuat potongan gaji bulanan berada dalam kadar 40 peratus. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti kesediaan guru sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan terhadap pembayaran zakat melalui potongan gaji. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama pertama; mengenal pasti keterlibatan guru-guru sekolah di Wilayah Persekutuan dalam pembayaran zakat

pendapatan ke PPZ-MAIWP, kedua; mengenal pasti kaedah pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan guru-guru sekolah di Wilayah Persekutuan dan ketiga; menganalisis faktor-faktor kesediaan dan halangan pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji dalam kalangan guru-guru sekolah di Wilayah Persekutuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran dengan menggunakan reka bentuk konvergen. Seramai 377 responden dalam kalangan guru sekolah yang terlibat untuk menjawab borang soal selidik manakala, seramai 12 informan yang terdiri daripada Guru Besar, Pengetua sekolah dan Pegawai PPD di Wilayah Persekutuan untuk ditemu bual secara separa berstruktur. Berdasarkan dapatan kajian kuantitatif, kesediaan para guru membayar zakat melalui potongan gaji menunjukkan tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati faktor motivasi, sikap dan kepercayaan mendorong kesediaan guru-guru sekolah di Wilayah Persekutuan membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji. Seterusnya, hasil dapatan kualitatif dilihat kebanyakan pengurusan sekolah adalah bersedia dalam menguruskan dan memberi galakan kepada guru sekolah dalam pembayaran zakat melalui potongan gaji.

**Kata Kunci:** zakat pendapatan, potongan gaji, guru, kesediaan, halangan, Wilayah Persekutuan.

## PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang menjadi instrumen pengurusan harta dan sumber kekuatan ekonomi umat Islam. Zakat berfungsi sebagai faktor asas dalam ekonomi terutama dalam pengagihan dan pengagihan semula harta. Dengan ini telah menjadi tanggungjawab kepada pemerintah untuk menguruskan pengumpulan serta pengedaran zakat dan diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang tertentu. Institusi zakat berperanan mengamalkan tatacara dan gaya pengurusan yang terbaik bagi memastikan aliran harta ini berlaku secara saksama seterusnya mengawal kemiskinan umat dan negara Islam serta kebergantungan kepada sumber yang tidak jelas. Justeru model pengurusan zakat profesional oleh Baginda Nabi s.a.w. menjadi panduan dan tanda piawaian kepada institusi zakat dalam menggalas pengurusan yang lebih telus, bertanggungjawab dan sentiasa menekankan kepada konsep akauntabiliti agar matlamat pelaksanaan zakat terlaksana.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Perintah membayar zakat adalah jelas kepada jenis harta yang disepakati seperti hasil tanaman, ternakan dan galian. Namun sedikit berbeza dengan harta yang tidak disepakati wajib zakat di mana sebahagian ulama mewajibkannya dan

sebahagian yang lain tidak mewajibkannya. Harta tersebut adalah seperti hasil pendapatan, hasil tanaman bukan asasi atau hasil perolehan daripada galian (Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, 2007). Zakat pendapatan berasal daripada konsep zakat *al-Mal al- Mustafad*<sup>1</sup>. Di Malaysia zakat pendapatan merangkumi pendapatan gaji dan pendapatan bebas iaitu segala bentuk ganjaran yang diperolehi daripada kerja atau khidmat yang dilakukan sama ada sebagai seorang pekerja atau bekerja sendiri. Istilah perolehan yang pelbagai merujuk kepada jenis pembayaran upah ke atas pertukaran atau perkhidmatan yang diusahakan.

Firman Allah S.W.T: *Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (jika diberikan kepada kamu) kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi sentiasa Terpuji."* (Surah Al-Baqarah: Ayat 267)

Imam Wahbah al-Zuhayli (*Al-Tafsir al-Wajiz*, 1422H), mentafsirkan ayat ini merujuk kepada perintah ke atas orang-orang beriman supaya tunaikan zakat harta berupa harta yang baik dan paling utama yang dihasilkan dari usaha dengan halal, dan dari berbagai jenis harta yang wajib dizakati. Pandangan berkaitan zakat pendapatan turut dikeluarkan melalui fatwa zakat di Malaysia. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah membincangkan Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional. Muzakarah telah memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat ([e-smaf.islam.gov.my](http://e-smaf.islam.gov.my)).

Manakala dalam fatwa Wilayah Persekutuan yang diwartakan pada 29 April 1999 menyatakan bahawa zakat wajib dikeluarkan ke atas pendapatan daripada penggajian seseorang Islam termasuk apa-apa upah, gaji, elaun, imbuhan dan bonus. Oleh itu wajib bagi seseorang Islam mengeluarkan zakat daripada pendapatan yang layak dikenakan zakat daripada penggajian tersebut (Pekeliling Am Bilangan 1, 2014). Menerusi warta kerajaan Persekutuan pula telah

---

<sup>1</sup> *Al-Mal al-Mustafad* merujuk kepada sesuatu yang memberi manfaat atau kelebihan khususnya dalam konteks harta. Imam Yusuf Al-Qaradawi mendefinisikan *al-Mal al-Mustafad* sebagai harta yang diperolehi melalui usaha tanpa proses jual- beli, iaitu harta yang diperolehi atas sebab-sebab seperti upah, elaun, atau hadiah daripada yang sama atau jenis harta yang berbeza (Muhsin Nor Paizin, 2021).

dinyatakan fatwa di bawah seksyen 34 di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan yang bersidang pada 31 Julai 2018 telah membincangkan perkara berkenaan dengan “Kewajipan Membayar Zakat Pendapatan di Tempat Bekerja”.

Fatwa yang dikeluarkan adalah zakat pendapatan hendaklah dibayar oleh pembayar zakat di negeri tempat dia bekerja walaupun pembayar zakat itu tidak menetap di negeri tersebut (Warta Kerajaan Persekutuan, 2021). Justeru, kutipan zakat pendapatan telah dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan medium oleh institusi kutipan zakat bagi memudahkan urusan pembayaran antaranya adalah melalui sistem potongan gaji.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Di Wilayah Persekutuan, Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) yang berperanan dalam kutipan telah memperkenalkan Skim Potongan Zakat Bulanan (PZB) bagi membolehkan pembayar zakat membuat potongan zakat secara bulanan berjadual. Pelaksanaan pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji (PZB) secara sukarela di Wilayah Persekutuan adalah bertujuan untuk memudahkan pembayar zakat khususnya pegawai awam dalam meningkatkan jumlah pembayar zakat di Wilayah Persekutuan seterusnya meningkatkan kutipan zakat pendapatan menerusi kaedah potongan gaji secara bulanan. Usaha meningkatkan kutipan dan memenuhi tuntutan wajib ke atas pembayar zakat bagi membantu asnaf-asnaf yang memerlukan. Sekalipun kaedah potongan gaji ini adalah secara sukarela di Wilayah Persekutuan, penjawat awam diseru membuat pembayaran zakat melalui potongan gaji disebabkan tahap kesedaran untuk menjelaskan bayaran secara konsisten adalah sangat rendah. Menurut Menteri Wilayah, pihaknya telah melancarkan ‘Program Jom Berzakat Bersama Warga Kementerian Wilayah’ dengan kerjasama PPZ-MAIWP (Utusan, 2018) sebagai langkah kawalan terhadap isu tersebut.

Laporan zakat PPZ-MAIWP turut mencatatkan peningkatan bilangan pembayar zakat mengikut sektor sebanyak 14 peratus (Ruziah Ghazali, 2022). Walau bagaimanapun, berdasarkan kenyataan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) pada 2020, penglibatan warga pendidik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang membayar zakat pendapatan secara potongan gaji bulanan adalah pada kadar 40 peratus mewakili 6,500 daripada 16,000 warga pendidik (Harian Metro, 2020) iaitu masih di bawah paras kurang separuh.

## KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

Bahagian ini membincangkan berkaitan kajian terdahulu yang telah dijalankan sebagai merangkumi aspek zakat pendapatan serta faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat Islam dalam membayar zakat.

### Zakat Pendapatan

Terdapat kajian mengenai pengetahuan pembayar zakat dalam pengiraan zakat pendapatan yang betul mengikut pengiraan zakat negeri masing-masing. Fidlizan et al. (2016) menggunakan kaedah simulasi pengiraan zakat berbantuan kalkulator zakat atas talian Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Hasil kajian menunjukkan bahawa penjumlahan pendapatan berzakat yang sempurna meliputi semua jenis bayaran dan kemudahan yang diterima memberi kesan kepada nilai zakat dibayar dan kutipan zakat di institusi. Dalam kajian lainnya pula (2016) dijalankan dengan mendekati kumpulan profesional Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mengenal pasti tahap kepatuhan zakat pendapatan dalam aspek pengiraan jumlah pendapatan daripada setiap sumber penggajian. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif daripada 10 sumber pendapatan<sup>2</sup> diperoleh oleh kakitangan akademik melibatkan 112 orang kakitangan akademik Muslim yang berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Hasilnya, individu kajian menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi hanya terhadap elemen gaji dan elaun tetap bulanan yang perlu diambil kira dalam pengiraan zakat pendapatan dan tahap pengetahuan yang sederhana bagi sumber-sumber lain. Tahap pengetahuan ini didapati merupakan punca kepada ketidakupayaan responden untuk menghitung pendapatan sebenar dalam pengiraan zakat pendapatan.

### Faktor-faktor Pembayaran Zakat Pendapatan

Terdapat faktor yang dikenal pasti mendorong pembayaran zakat pendapatan, antaranya kajian di Johor oleh Muhammad Fauzi Bahrin (2019), kajian melibatkan guru di Sekolah Kedah oleh Yusuf Othman (2016) dan kajian terhadap individu muslim oleh Syadiyah Abdul Shukor (2021). Antara faktor pembayaran zakat pendapatan tersebut ialah sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku (*Theory of Planned Behavior*), keagamaan dan psikologikal, undang-undang dan pengurusan zakat. Manakala faktor yang menjadi halangan adalah terdiri daripada persepsi bahawa zakat boleh di bayar di mana-mana sahaja, kurang keyakinan terhadap pengurusan zakat, tidak mengetahui arahan Negeri dan potongan had kifayah yang lebih tinggi diberikan oleh institusi zakat di sesetengah negeri (Yusuf Othman, 2016).

Antara kajian awal telah dijalankan oleh Kamil dan Ahmad (2002). Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti komponen-komponen sikap

terhadap zakat gaji dan perkaitan setiap komponen sikap dengan gelagat kepatuhan zakat gaji (secara tunai atau melalui potongan gaji). Sampel kajian yang digunakan adalah sebanyak 353 kakitangan awam persekutuan di Kedah yang tertakluk kepada potongan cukai berjadual (PCB) seterusnya dianalisis secara regresi logistik. Lima item sikap telah diuji iaitu: sikap secara am (6 item); sikap positif (7 item); sikap was-was (6 item); sikap bersyarat (3 item); dan sikap terhadap perkara teknikal (2 item). Hasil kajian ini melaporkan terdapat tiga daripada lima komponen sikap iaitu sikap positif, sikap was-was dan sikap bersyarat terhadap zakat gaji memberi kesan secara positif terhadap pematuhan pembayaran zakat pendapatan gaji.

Selain itu, Nur Azura et. al (2005) dalam kajian berkaitan gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan di Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dijalankan ke atas 104 orang kakitangan. Dapatan kajian ini mencatatkan hanya kira-kira 28.57 peratus sahaja kakitangan yang membayar zakat melalui potongan gaji. Manakala jumlah 64.4 peratus kakitangan yang membayar zakat pendapatan adalah atas faktor mentaati perintah agama dan baki 35.6 peratus yang tidak membayar zakat pendapatan adalah atas sebab kurang kesedaran tentang kepentingan membayar zakat dan tidak mengetahui kewajipan membayar zakat pendapatan. Selanjutnya, Eza dan Rizal (2011) mengklasifikasikan faktor akhirat dan faktor duniawi boleh mempengaruhi pembayaran zakat berdasarkan kaji selidik yang diedarkan secara rawak kepada pekerja di Kuala Lumpur dan Selangor.

Kajian lain berkaitan kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia dalam konteks individu muslim yang lebih ramai dari pelbagai negeri turut dikaji oleh Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali (2006). Kajian mendapati faktor jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, pendapatan dan pembayaran zakat melalui potongan gaji adalah signifikan mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan. Selain itu Muhammad Fauzi Bahrin (2019) dalam kajiannya yang turut menguji faktor demografi terhadap pembayaran zakat mendapati terdapat perbezaan ketara hanya pada item jantina. Manakala faktor lain yang mempengaruhi pembayaran zakat dikenal pasti iaitu keagamaan, diikuti kaedah pembayaran dan pengurusan zakat sedang faktor undang-undang zakat mempunyai hubungan negatif terhadap pembayaran zakat.

Kajian lain ke atas faktor yang lebih teknikal dijalankan oleh Kamil Md. Idris (2006) berkaitan kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Kajian menekankan kepentingan persepsi yang positif terhadap undang-undang zakat dan penguatkuasaannya adalah lebih penting dalam mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat sekali gus, meningkatkan jumlah kutipan zakat daripada hanya mewujudkan instrumen penguatkuasaan undang-undang zakat semata-mata. Ini

kerana jika seseorang individu mempunyai moral yang positif maka persepsinya terhadap undang-undang juga akan menjadi positif. Bagaimanapun, bilangan pekerja Islam dalam kajian ini yang berpandangan positif adalah tidak ramai. Majoriti pekerja Islam dalam sektor kerajaan persekutuan sendiri tidak yakin dengan undang-undang zakat yang sedia ada. Di antara perkara yang masih dipandang negatif termasuk: undang-undang zakat kurang jelas; undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi; undang-undang zakat tidak meliputi keseluruhan jenis zakat; hukuman dan denda dalam undang-undang zakat tidak meliputi kesemua jenis zakat; dan hukuman dan denda dalam undang-undang zakat dianggap terlalu ringan.

Kejayaan keputusan kajian Kamil dapat dibuktikan oleh Norlela dan Hairunnizam (2014) yang mengkaji kesan perbezaan fatwa yang mewajibkan pembayaran zakat pendapatan terhadap jumlah kutipan zakat pendapatan dan jumlah pembayar bagi negeri Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu. Kajian ini dianalisis secara deskriptif. Kajian mendapati berlaku peningkatan dalam trend kutipan dan pembayar zakat pendapatan selepas fatwa kewajipan membayar zakat pendapatan dikeluarkan. Hal ini menunjukkan maklum balas yang positif masyarakat Islam terhadap fatwa dapat memberi kesan kepada kepatuhan pembayaran zakat. Berdasarkan hasil kajian, perbezaan kenaikan jumlah kutipan dan bilangan pembayar zakat yang mendadak selepas zakat pendapatan difatwakan, secara tak langsung juga meningkatkan kutipan zakat harta dan fitrah bagi negeri Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Pahang dan Wilayah Persekutuan. Perkara ini juga menunjukkan peningkatan usaha yang dijalankan oleh lembaga zakat negeri-negeri tersebut menunjukkan hasil yang positif selepas pewartaan zakat pendapatan. Manakala purata nisbah seseorang membayar zakat pendapatan di Malaysia adalah sebanyak RM1380.764 dan nisbah pembayaran zakat pendapatan yang tertinggi adalah pada 2008 iaitu sebanyak RM1,865.63.

Yusuf Othman (2016) yang mengkaji faktor motivasi pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan guru sekolah awam di Kedah telah menemu bual 44 orang guru. Kajian kualitatif secara temu bual tersebut dilaksanakan secara tidak berstruktur bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci daripada informan. Kajian mendapati 14 faktor motivasi dikenal pasti dan dibahagikan kepada tiga tema iaitu keagamaan (*Religiosity*), norma subjektif (*Subjective Norm*) dan kawalan tingkah laku yang dirasakan (*Perceived Behavioral Control*). Manakala didapati tiga isu mengenai tingkah laku pematuhan zakat pendapatan iaitu tidak semua pembayar zakat di negeri Kedah membayar zakat kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah; kurangnya keyakinan terhadap keupayaan Jabatan Zakat Negeri Kedah mengurus dan mengagihkan zakat secara saksama kepada penerima; serta membayar zakat



di tempat lain lebih bermanfaat kepada mereka kerana jabatan zakat negeri lain memberikan potongan had *al-kifayah* yang lebih tinggi.

Seterusnya pembayaran zakat pendapatan melebihi kadar kewajipan zakat melibatkan kakitangan kerajaan di Malaysia khususnya di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah dikaji oleh Siti Zulaikha Nasir et.al (2021). Peningkatan zakat pendapatan setiap tahun yang berlaku turut didorong oleh beberapa faktor penting antaranya ialah faktor dalaman yang disumbangkan oleh: sifat altruisme; pelaksanaan rebat cukai daripada pembayaran zakat; dan kepercayaan terhadap sistem pengurusan zakat berbanding cukai. Implikasi daripadanya menghasilkan satu gelagat pembayar zakat pendapatan yang ingin membayar zakat melebihi kadar kewajipan zakat yang sepatutnya dibayar setiap tahun. Sebaliknya Syadiyah Abdul Shukor (2021) dalam penentu pematuhan zakat di kalangan individu Islam melaporkan pematuhan zakat boleh didorong oleh faktor psikologi; persekitaran; organisasi dan; sosio-demografi.

### **Faktor-faktor Pembayaran Zakat Secara Potongan Gaji**

Kajian Anindita Dianingtyas (2011) menguji nilai persepsi yang terdiri daripada faktor: usia; pendidikan; status perkahwinan; pendapatan; pengetahuan agama; dan kepercayaan terhadap kesediaan pekerja membayar zakat pendapatan melalui pemotongan gaji. Kaedah Analisis Regresi Berganda digunakan untuk menentukan ketepatan faktor dalam mempengaruhi. Hasil kajian mendapati persepsi mempengaruhi niat pekerja dalam membuat pemotongan gaji namun pekerja muda lebih bersedia membuat potongan gaji zakat pendapatan berbanding pekerja yang lebih berusia. Faktor persepsi yang terdiri daripada item usia; pendidikan; pengetahuan agama; dan kepercayaan kepada institusi (LAZ) adalah signifikan dalam mempengaruhi kesediaan karyawan membayar zakat secara potongan gaji. Namun hanya pada item usia memiliki hubungan negatif apabila pekerja lebih mudah didapati lebih bersedia. Sebaliknya status perkahwinan tidak memberi pengaruh terhadap niat membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji.

Manakala kajian berkaitan kesedaran pekerja di Terengganu dalam skim potongan zakat bulanan (Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali et al., 2018) menunjukkan bahawa kesedaran majikan dalam menjalankan tugas agama mereka akan membantu penubuhan kemudahan potongan zakat bulanan. Dalam konteks peranan majikan dalam menyediakan kemudahan potongan bulanan untuk pekerja mereka membayar zakat gaji, hanya 12.2 peratus majikan telah menganjurkan ceramah tentang kepentingan membayar zakat gaji kepada pekerja mereka dan telah menghubungi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk mendapatkan nasihat, sekalipun bilangan majikan yang mengetahui MAIDAM memberi khidmat nasihat berkaitan zakat gaji

sebenarnya melebihi separuh iaitu 58.5 peratus. Hubungan yang lebih erat juga perlu diwujudkan antara majikan dengan MAIDAM antaranya dengan melaksanakan program-program *outreach* yang lebih agresif bagi memudahkan majikan dan pekerja menunaikan kewajipan membayar zakat daripada pendapatan gaji mereka.

Seterusnya kesediaan pekerja mematuhi polisi potongan gaji dikaji melalui nilai persepsi penjawat awam di Malang dan institusi zakat terhadap pelan dasar kebangsaan potongan zakat bulanan oleh Nur Indah Riawajanti et. al (2018). Hasil kajian mendapati responden bersedia membayar zakat melalui potongan gaji namun menekankan aspek ketelusan dan kejelasan dalam pengurusan zakat. Bilangan tinggi responden yang menyokong polisi dan menyokong untuk membuat potongan gaji menunjukkan kepatuhan terhadap peraturan pemerintah. Walau bagaimanapun aspek produktiviti agihan menjadi pertimbangan. Ini kerana alasan responden yang tidak bersedia membuat potongan bulanan selain kepercayaan dalam pengurusan zakat adalah hukum zakat pekerjaan yang diperdebat pada perincian jenis yang berbeza, penetapan nisab cukup haul yang tidak dipotong bulanan dan begitu juga pengagihan yang tidak digunakan bagi kos operasi institusi. Sebaliknya hasil kutipan sepenuhnya dimanfaatkan untuk masyarakat.

Nor Musfirah Mohamadi et.al (2022) yang menjalankan kajian berkaitan pola amalan membayar zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Kajian terhadap 160 kakitangan KUIPs mendapati pembayar zakat pendapatan melalui potongan gaji bulanan pada tahun 2020 (sehingga bulan Ogos) masih rendah iaitu 14 peratus sekalipun berlaku pertambahan 3 pekerja baharu yang membuat potongan gaji bagi zakat pendapatan.

### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

Metodologi kajian merupakan satu pendekatan saintifik yang digunakan untuk mencari jawapan atau penyelesaian kepada sesuatu masalah yang hendak dikaji. Bahagian ini membincangkan kaedah reka bentuk kajian, pensampelan kajian kuantitatif dan kualitatif yang digunakan untuk memperoleh data bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Reka bentuk kajian ini adalah konvergen iaitu salah satu daripada kaedah campuran (*mixed method*). Fasa pertama, kajian di buat secara kuantitatif dan fasa kedua adalah menggunakan kaedah kajian kualitatif. Fasa pertama adalah menyasarkan populasi utama dalam kajian ini iaitu dikalangan guru-guru yang beragama Islam di Wilayah Persekutuan. Manakala penggunaan kaedah kualitatif bagi fasa kedua melibatkan informan daripada bahagian pengurusan yang terdiri daripada guru besar/pengetua/pentadbir sekolah dan Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah

(PPD). Penggunaan kaedah campuran bagi kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang jelas, tepat dan memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding penggunaan satu kaedah sahaja (Creswell dan Clark, 2007).

### **Pensampelan**

Pelaksanaan fasa pertama kajian kuantitatif adalah melibatkan guru-guru di sekolah Wilayah sebagai responden. Populasi kajian adalah anggaran seramai 20,559 orang daripada 348 buah sekolah di Wilayah Persekutuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021) yang terdiri daripada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Agama (kerajaan) di bawah kendalian Jabatan Pelajaran Negeri. Keseluruhan populasi ini adalah merupakan sasaran populasi (*target population*) di mana populasi tersebut mempunyai ciri-ciri responden yang diinginkan dalam kajian. Dalam kajian Krejcie dan Morgan (1970), satu jadual telah diperkenalkan dengan merujuk kepada jumlah populasi penduduk dalam menentukan sampel saiz. Populasi seramai 20,000, bilangan sampel adalah seramai 377 orang. Bilangan sampel ini juga adalah mencukupi untuk mewakili populasi berdasarkan kepada Sudman (1976), yang menyatakan bahawa bilangan sampel di antara 200 hingga 500 adalah bersesuaian dengan kebanyakan kajian tinjauan. Oleh yang demikian, penyelidik telah memutuskan untuk memilih bilangan sampel dalam kajian ini berpandukan kajian Krejcie dan Morgan (1970).

Seterusnya pensampelan berstrata berkadar (*proportional stratification sampling approach*) digunakan bagi mendapatkan bilangan guru-guru seramai 377 orang sebagai sampel kajian kuantitatif. Mohd Majid (1998) menyatakannya sebagai pensampelan rawak berlapis iaitu sampel yang sesuai digunakan bagi populasi yang tidak seragam. Manakala, Fraenkel dan Wallen (2007) mengkategorikannya sebagai pensampelan rawak berstrata kumpulan. Pensampelan rawak berstrata melibatkan peringkat pertama membahagikan populasi ke sub-populasi dan kemudian menggunakan kaedah pensampelan rawak untuk setiap sub-populasi untuk membentuk kumpulan ujian. Oleh yang demikian, teknik pensampelan rawak berstrata berkadar ini adalah sesuai digunakan kerana bilangan sampel berbeza-beza mengikut zon di Wilayah Persekutuan.

Peringkat pertama yang dilaksanakan adalah memilih sampel sekolah mengikut zon di Wilayah Persekutuan dan peringkat seterusnya adalah dengan memilih responden secara rawak mudah bagi setiap sekolah yang telah dipilih sebagai sampel. Responden yang akan dipilih adalah guru-guru beragama Islam yang menjawat jawatan gred 34 ke atas kerana dilihat berpotensi memenuhi

syarat nisab dan dikenakan zakat pendapatan. Bilangan populasi sekolah bagi di setiap zon serta bilangan responden adalah seperti Jadual di 1.0:

**Jadual 1:** Senarai Bilangan Sekolah dan Populasi Guru mengikut Zon

Zon	Jumlah Sekolah	Jumlah Populasi Guru
Putrajaya	27	2,257
Labuan	27	1,355
Keramat	65	4,010
Pudu	147	8,517
Sentul	82	4,420
Jumlah		20,559

**Sumber:** Kementerian Pendidikan Malaysia (2021)

Berdasarkan bilangan sampel sebanyak 377, borang soal selidik diberikan secara bersemuka dan dalam talian iaitu secara perkongsian pautan *google form* melalui Guru Besar atau Pengetua bagi mendapatkan kesahihan responden yang menjawab. Soalan-soalan yang terkandung dalam borang soal selidik dibentuk bagi mencapai objektif kajian dalam mengenal pasti keterlibatan, faktor kesediaan dan halangan guru-guru dan kakitangan sekolah dalam pembayaran zakat pendapatan secara potongan gaji bulanan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti cadangan yang bersesuaian bagi meningkatkan bilangan pembayar dan jumlah kutipan zakat.

Seterusnya bagi fasa kedua, kajian kualitatif dijalankan dengan kaedah temu bual bersama Pegawai Pendidikan Daerah, Guru/Pengetua serta wakil dari Bahagian Pentadbiran sekolah yang bertanggungjawab dalam menguruskan dan membuat keputusan dalam pembayaran zakat pendapatan melalui pemotongan gaji. Pemilihan sampel adalah secara "*purposive sampling*" atau pensampelan bertujuan kerana bersesuaian dengan kajian kualitatif (Fraenkel dan Wallen, 2007). Bilangan informan yang terlibat adalah seramai 12 iaitu 11 orang pentadbir sekolah yang terdiri daripada 4 orang Guru Besar, 4 orang Pengetua, 2 Penolong Kanan Pentadbir dan 1 Guru Pendidikan Islam sekolah dari 5 zon serta 1 orang Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Ini adalah bertujuan untuk mendapat maklum balas secara langsung tentang pelaksanaan pemotongan gaji guru. Manakala Temu bual yang dijalankan adalah temu bual secara semi struktur (*semi-structured interview*) bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan skop kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan latar belakang responden, majoritinya merupakan guru yang sudah berkahwin, dan paling ramai berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan gred jawatan tertinggi dari kumpulan penjawatan DG44 dan DG41. Dari segi pendapatan bulanan, pendapatan yang paling ramai perolehi adalah antara RM5,501 hingga RM7,000 sebulan iaitu kumpulan yang layak dikenakan cukai pendapatan.

Manakala hasil analisis data min setiap faktor kesediaan menunjukkan skor min adalah tinggi. Hasil kajian mendapati motivasi, sikap dan kepercayaan adalah faktor yang tinggi mendorong kesediaan guru-guru sekolah di Wilayah Persekutuan membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji. Hasil analisis korelasi Pearson pula mendapati motivasi mempunyai perkaitan yang paling tinggi terhadap kesediaan membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji diikuti dengan sikap kepatuhan membayar zakat dan kepercayaan terhadap institusi zakat. Manakala perkaitan yang rendah antara faktor halangan dengan kesediaan membuat potongan zakat. Komitmen yang tinggi dalam kalangan responden didapati menjadi kekangan terhadap pembayaran zakat secara potongan gaji dan informasi berkaitan zakat pendapatan dan manfaat agihan masih di tingkat sederhana.

Selain itu, hubungan signifikan dan positif motivasi terhadap kesediaan guru membuat zakat potongan gaji ini juga selari dengan dapatan kajian Yusuf Othman (2016) di mana faktor motivasi mendorong tindakan guru di Kedah membayar zakat pendapatan. Manakala dapatan faktor sikap dalam mempengaruhi kesediaan guru sekolah di Wilayah Persekutuan ini pula seiring dengan hubungan positif antara sikap dengan pematuhan pembayaran zakat potongan gaji yang ditemukan oleh Kamil dan Ahmad (2002). Hubungan yang positif antara kepercayaan responden terhadap tindakan pembayaran zakat potongan gaji turut menyokong dapatan oleh Anindita Dianingtyas (2011) dan Nur Indah Riwajanti et.al (2018) yang menguji elemen kepercayaan di bawah persepsi dengan produktiviti agihan menjadi pertimbangan bagi kepercayaan tersebut. Namun berbeza dengan dapatan Syadiyah Abdul Shukor (2021) di mana dalam kajian ini, faktor persekitaran guru sekolah di Wilayah Persekutuan kurang mempengaruhi mereka dalam membuat pembayaran zakat secara potongan gaji. Melihat kepada sikap dan motivasi responden, didapati mereka sangat terdorong membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji kerana zakat memberi manfaat agihan kepada asnaf dan khuatir mereka mengambil hak asnaf jika tidak atau terlupa melunaskannya.

## PERBINCANGAN

Hasil daripada kajian mendapati faktor motivasi, sikap dan kepercayaan memainkan peranan penting bagi guru sekolah di Wilayah Persekutuan membuat pembayaran zakat melalui potongan gaji. Semakin tinggi tahap motivasi, sikap dan kepercayaan guru muslim terhadap matlamat zakat yang memenuhi hak asnaf dan memberi kesan keberkatan rezeki kepada pembayar, maka para guru muslim akan lebih cenderung membayar zakat melalui potongan gaji.

Berdasarkan kaedah pelaksanaan pembayaran zakat, kutipan zakat pendapatan tidak berlaku secara menyeluruh. Masih terdapat responden mewakili populasi yang tidak membayar zakat pendapatan walaupun majoriti responden adalah daripada jantina perempuan yang berkahwin. Isteri yang bekerja juga diwajibkan zakat ke atasnya kerana ia adalah harta individu dan perlu dikira sama ada pendapatan tahunan mereka wajib dizakatkan atau tidak. Sekiranya wajib dizakatkan maka mereka masing-masing wajib mengeluarkannya kerana ia berbeza dengan zakat fitrah yang dikeluarkan oleh ketua keluarga.

Usaha menumpukan ke arah peningkatan bilangan pembayar dalam kalangan guru sekolah dan kutipan zakat pendapatan melalui potongan gaji harus digiatkan sekalipun responden telah membuat potongan gaji dan membayar melalui PPZ- MAIWP. Tindakan tersebut perlu dilipatgandakan agar tuntutan pembayaran zakat terlaksana dan selari dengan keputusan fatwa zakat Wilayah Persekutuan. Fatwa yang telah diwartakan tersebut merujuk kewajipan pembayaran zakat pendapatan di tempat negeri pembayar bekerja.

## PENUTUP

Justeru itu, penglibatan guru-guru sekolah di Wilayah Persekutuan perlu dilaksanakan secara holistik dan sinergi antara pelbagai pihak khususnya dari institusi pendidikan dengan mengambil kira aspek yang perlu diberi keutamaan dan perhatian penting dalam tindakan tersebut. Antaranya melibatkan usaha memberi kefahaman kepada guru mengenai kepentingan zakat pendapatan sebagai alternatif kepada cukai pendapatan dan kaedah kiraan zakat daripada gaji tanpa tolakan atau dengan tolakan. Kefahaman yang jelas berkenaan wakalah juga adalah perlu kerana pengembalian agihan balik dapat dilaksanakan melalui kaedah tersebut selain penyelarasan sistem data sekolah pembayar zakat kerana berdasarkan kecenderungan tindakan kesediaan dan motivasi guru adalah tinggi apabila melibatkan agihan dan hak asnaf.

Maklumat mendalam berkaitan wakalah dapat membuka mata warga pendidik untuk membuat potongan zakat. Wakalah dapat dimanfaatkan semula agihan zakat kepada asnaf di dalam sekolah sendiri seperti pelajar-pelajar miskin, aktiviti keagamaan dan kelengkapan surau sekolah. Program penerangan berkenaan kewajipan zakat pendapatan melalui potongan zakat berjadual secara

berkala kepada para guru dan kakitangan sekolah serta syarat kelayakan bagi membolehkan sekolah untuk memohon wakalah. Selain menyediakan garis panduan pengurusan wakalah agihan zakat kepada sekolah-sekolah di bawah JPWP.

## RUJUKAN

- Anindita Dianingtyas. 2011. Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesediaan Karyawan Membayar Zakat Profesi Melalui Pemotongan Gaji (Studi Kasus Direktorat Jenderal Perbendaharaan Negara Departemen Keuangan Republik Indonesia). *Media Ekonomi* Vol. 19, No. 3.
- Creswell, John W., & Clark, Vicki L. Plano. 2007. *Designing And Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Davies, J. A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman, Zaharah Salwati Baba & Habsah Muda. 2018. *The Employees' Awareness on the Monthly Zakat Deduction Scheme in Terengganu*. International Journal of Academic Research In Business & Social Sciences. Issn: 2222-6990. DOI: 10.6007/IJARBS/v8-i7/4526.
- Eza Ellany Abdul Lateff & Mohd Rizal Palil. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di Malaysia. Prosiding Persidangan Ekonomi Kebangsaan Malaysia ke V1, pp. 148-159.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Fatimah Salwa Abdul Hadi, Nor Hamizah Saidin. (2016). Kepatuhan Pengiraan Zakat Pendapatan Kumpulan Profesional di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Johor Bahru: UTM Press. e-ISSN ISSN: 2289-6996.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Salwa Amirah Awang & Abdul Majid Tahir Mohamed. 2016. Islam di Malaysia: Tertunaikah Bayaran Zakat Pendapatan?. *Geografia Online*™ Malaysian Journal of Society and Space 12 issue 8 (48 - 60) 48, ISSN 2180-2491.
- Fraenkel, Jack. R., & Wallen, Norman E. 2007. *How To Design And Evaluate Research In Education* (Edisi ke-6). Boston, MA: McGraw Hill.
- Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor. 2007. Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Sanep Ahmad. 2005. Kesedaran membayar zakat: apakah penentunya. *International Journal of Management Science*. 12(1): 171-189.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2007. Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *The International Journal of Islamic Studies*.

- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. (2014). Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2014. Tatacara Pelaksanaan Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Potongan Gaji Secara Sukarela Bagi Pegawai Awam Beragama Islam Di Wilayah Persekutuan. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. 2021. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM). data.gov.my.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian. Ph.D. Thesis, Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junhairi Alyasa. (2018). Penjawat Awam di Wilayah Persekutuan Diseru Bayar Zakat Melalui Potongan Gaji. Utusan Malaysia.
- Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob. 2002. Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Analisis 9(1&2): 171-191.
- Kamil Md. Idris. 2006. Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. REKAYASA – Journal of ethics, legal and governance. Vol. 2, 2006 (32-41).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (laman sesawang). 2021. Statistik Senarai Sekolah. [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).
- Krejcie, Robert.V. & Morgan, Darylew. W. 1970. *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurements.* 30 (3).
- Laporan Tahunan Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2022).
- Malhotra N.K. 1993. *Marketing research: an applied orientation.* Switzerland: Prentice Hall.
- Mohd Majid Konting. 1998. Kaedah penyelidikan pendidikan (Edisi ke-4). Kuala Lumpur: Pencetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Fauzi Bahrin. 2019. *Factors Affecting Zakat Income Payment In Tangkak, Jobor.* Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Muhsin Nor Paizin. 2021. *The Concept of Zakat on Income in Malaysia and Its Beginning of Implementation.* Al-Kharaj: Jurnal Ekonomi, Kewangan & Bisnis Syariah. Volume 4 No. 1 (2022) 73-92 P-ISSN 2656-2871 E-ISSN 2656-4351. DOI: 10.47467/alkharaj.v4i1.443.
- Murnaena Muhammad Nasir. 2020. Hanya 40 Peratus Pendidik Tunai Zakat Secara Potongan Gaji. Harian Metro.
- Norlela & Hairunnizam Wahid. 2014. Pewartaan zakat pendapatan dan trend kutipan zakat pendapatan: kajian di Malaysia. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9, pp. 199-207.
- Nor Musirah Mohamadi, Azhan Taqiyaddin Arizanii & Fathullah Asni. 2022. Analisis Amalan Bayaran Zakat Pendapatan Dalam Kalangan



Kakitangan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS). *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. eISSN: 2289-9944. Vol. 25 No.1.

- Nur Azura Sanusi, Norazlina Abd. Wahab & Nor Fadzlin Mohammad Bahar. 2005. *Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian Di UUM*. Dlm. *Pengukuhan Dan Transformasi Ekonomi & Kewangan Islam Prosiding Seminar Ekonomi Dan Kewangan Islam 2005*. Anjuran Jabatan Ekonomi & Kewangan, Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia. Sintok, 29- 30 Ogos.
- Nur Indah Riwayatanti, Kartika Dewi SS. & Anik Kusmintarti. 2018. *Community Perception towards National Policy Plan of Zakat Deduction for Muslim Civil Servants*. International Conference of Zakat 2018 Proceedings ISSN: 2655- 6251.
- Ruziah Ghazali. 2022. Faktor-faktor Peningkatan Kutipan Dan Pembayaran Zakat Ketika Pandemik Covid-19. Dalam *Siri Kajian AZKA No.9/2022* ISBN 978- 967-2959-07-6. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006. *Penswastaan Institusi Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia*. *International Journal of Management Science* 13(2): 175-196.
- Sekaran, U. & Bougie, R. 2013. *Research Methods for Business: A Skill Approach 6th Edition*. United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd
- Siti Zulaikha Nasir, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. 2021. *Pembayaran Zakat Pendapatan Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian dalam Kalangan Kakitangan Kerajaan di Malaysia*. *Islamiyyat* 43(1): 135 - 150. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-12>.
- Sudman, S. 1976. *Applied Sampling*. New York: Academic Press.
- Suryani Masnan. 2011. *Kaedah Taksiran Zakat Pendapatan Menurut Al-Qardawi: Kajian Perbandingan Dengan Skim Potongan Gaji (SPG)*.
- Syadiyah Abdul Syukor. 2021. *Determinants of Zakat Compliance among Muslim Individuals: A Systematic Literature Review*. *Journal of Islamic Finance* Vol.